

MINIT MESYUARAT BRIGED 5S KE-44 (13/2013)
FAKULTI SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Tarikh : **12 November 2013**
Masa : **9.00 pagi**
Tempat : **Bilik Mesyuarat Jabatan Kimia**

Kehadiran :

Encik Muhamad Zamri Yahaya @ Kamaluddin	-	Pengerusi
Puan Rohani Ahdirlin		
Encik Zainal Zahari Zakaria		
Puan Halimah Hj. Noh		
Puan Faridah Ahmad		
Encik Sabri Omar		
Puan Nik Afida Anis Azahari		
Puan Zaidina Mohd Daud		
Encik Khairul Hafiz Mohammad		
Cik Azimah Mohd Nasir		
Puan Faridah Kamludin @ Yusof	-	Setiausaha

Tidak Hadir (Dengan Kenyataan) :

Puan Norhaslinda Noruddin
Encik Hidir Hashim
Puan Salwana Ahmad

MINIT ALUAN PENGERUSI
44.01

Mesyuarat dimulakan dengan ummul kitab al-Fatihah.

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua ahli ke mesyuarat kali ini yang diadakan di Bilik Mesyuarat Jabatan Kimia.

MINIT **AUDIT DAN BORANG PENILAIAN AMALAN KAIZEN 5S**
44.02

Mesyuarat mengambil maklum :

- a) deraf borang penilaian amalan kaizen 5S sebagaimana dibentangkan oleh Tuan Pengerusi.
- b) dan bersetuju agar "Nama Ketua Kumpulan" ditukar kepada "Nama Ketua Auditor"

- c) borang penilaian ini akan dikemaskini dan digunakan bagi audit pada 29 November 2013.
- d) dan bersetuju masa audit ditukar daripada sesi petang ke sesi pagi.
- e) sebelum audit bermula, satu taklimat ringkas akan dibuat oleh Tuan Pengerusi berhubung pemahaman skala pemarkahan.
- f) bersetuju aturcara audit akan disediakan oleh Ketua Juruaudit.

Tindakan/Makluman : Semua

MINIT **LAWATAN BRIGED 5S**
44.03

Mesyuarat mengambil maklum :

- a) Sekolah Menengah Klang tidak dapat menerima lawatan Briged 5S pada tarikh dicadangkan memandangkan bengkel sedang diadakan di sekolah pada waktu tersebut.
- b) kertas kerja lawatan Universiti Sains Malaysia Cawangan Kubang Kerian pada 25 hingga 27 Januari 2014 telah dibawa untuk Mesyuarat Pengurusan Fakulti Sains yang lepas.

Tindakan : Unit Latihan
Makluman : Semua

MINIT **PELAN LANTAI SUIS LAMPU**
44.04

Mesyuarat mengambil maklum :

- a) draf pelan lantai suis lampu sebagaimana dibentangkan oleh Ketua Unit Promosi.
- b) Ketua Zon memajukan draf pelan masing-masing kepada Tuan Pengerusi. Seterusnya pelan tersebut akan dimajukan kepada pihak pengurusan Fakulti untuk pemilihan dan diguna pakai di peringkat Fakulti.

Tindakan : Ketua Zon / Tuan Pengerusi
Makluman : Semua

MINIT **HAL-HAL LAIN**
44.05

1. *Standard of Procedure (S.O.P)* Pengurusan Makanan

Mesyuarat mengambil perhatian :

- a) saranan Tuan Dekan agar S.O.P bagi pengurusan makanan dibangunkan untuk ruang makmal dan bilik rehat.
- b) deraf S.O.P akan disediakan oleh Timbalan Pengerusi dan akan dibawa ke mesyuarat yang akan datang.

Tindakan : Timbalan Pengerusi
Makluman : Semua

2. Imej Korporat

Mesyuarat mengambil maklum :

- a) perbincangan bersama pihak pembekal berhubung sebut harga bagi label penunjuk arah utama telah diadakan.
- b) pihak pembekal akan membawa beberapa contoh rekaan untuk pemilihan pihak pengurusan Fakulti.

Makluman : Semua

3. Borang Soal Selidik 5S

Mesyuarat mengambil perhatian :

- a) maklumbalas warga Fakulti berhubung maklumat nama yang perlu diisi oleh individu yang menjawab borang soal selidik 5S. Terdapat saranan agar ruangan "Nama" dikeluarkan dari borang soal selidik berkenaan dan diganti dengan "Tempoh Perkhidmatan di Fakulti".
- b) maklum balas ini diberi perhatian oleh Unit Latihan untuk dibuat penambahbaikan pada masa akan datang.

Tindakan : Unit Latihan
Makluman : Semua

MINIT **44.06** Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.20 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Tuan Pengerusi.